

22 JUN 2002

Mahathir-reaksi (DAP)

PENGUMUMAN YANG DRAMATIK, KATA KERK

MELAKA, 22 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock berkata pengumuman oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah dramatik dan memeranjatkan semua.

"Saya tahu Dr Mahathir seorang pemimpin yang kuat dan dia tak patut membuat pengumuman seperti itu," katanya.

Kerk berharap Perdana Menteri akan menjelaskan perkara itu kerana orang ramai ingin mengetahui apa sebenarnya yang berlaku.

Naib Pengerusi DAP, Lim Guan Eng pula berharap kenyataan itu tidak akan menimbulkan ketidakstabilan dalam politik dan ekonomi negara.

"Ia memeranjatkan bukan sahaja pada Umno, juga pada parti pembangkang," katanya.

Di KOTA BAHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang kini berada di Pattani, Selatan Thailand, ketika dihubungi berkata beliau tidak dapat memberikan sebarang reaksi spontan kerana tidak mendengar sendiri pengumuman oleh Dr Mahathir itu.

Nik Aziz yang sedang dalam lawatan ke wilayah itu, berkata beliau akan memberikan kenyataan setelah pulang ke Kelantan esok.

Usaha untuk bercakap lebih lanjut dengan Nik Aziz sukar kerana talian telefon tidak jelas.

DI SEREMBAN, Pengerusi Gerakan Negeri Sembilan Datuk Woo Ah Lek adalah antara mereka yang menangis dengan pengumuman Dr Mahathir itu.

"Seluruh rakyat, bukan sahaja orang Melayu, masih memerlukan kepimpinan Perdana Menteri, malah rakyat yang menderita dan tertindas di serata dunia memerlukan pemimpin seperti Dr Mahathir untuk mewakili mereka.

"Kita sama-sama berdoa semoga beliau terus sihat dan panjang umur untuk memimpin Malaysia," katanya.

Pengerusi MIC Negeri Sembilan T. Rajagopalu berkata beliau lega setelah mendengar pengumuman Dr Mahathir bersetuju menarik balik hasratnya itu.

"Negara masih memerlukan khidmat dan kepimpinannya untuk membawa Malaysia menjadi negara yang terus maju dan aman," katanya.

Rajagopalu berkata bahawa sekarang bukan masa yang sesuai untuk Dr Mahathir meletak jawatan.

Pengerusi MIC Melaka Datuk R. Raghavan bersyukur Dr Mahathir bersetuju menarik balik hasratnya itu manakala Pengerusi MCA negeri Datuk Wira Gan Boon Leong berkata masyarakat Cina tidak bersetuju Perdana Menteri meletak jawatan.

-- BERNAMA
APG SBS MAI